

TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN JAJARAN SEKSYEN NYABAU
WPC 10, LEBUHRAYA PAN BORNEO SARAWAK
SABTU, 19 FEBRUARI 2022

Bismillahirrahmanirrahim.

SALUTASI

PENDAHULUAN

Assalamualaikum WBT, Salam Keluarga Malaysia, Salam Sarawakku Sayang,

1. Alhamdullillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia Nya juga, kita dapat bersama-sama menghadiri **Majlis Perasmian Pembukaan Jajaran Seksyen Nyabau, WPC 10, Lebuhraya Pan Borneo Sarawak**, pada hari ini.

2. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ketua Menteri Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg, kerana sudi meluangkan masa untuk bersama menyempurnakan majlis perasmian pada hari ini. Jutaan terima kasih juga kepada urusetia yang menjayakan majlis pada hari ini, seluruh pasukan yang telah terlibat dalam projek ini dan semua yang sudi hadir pada majlis ini.

LEBUHRAYA PAN BORNEO PEMANGKIN EKONOMI

Tuan / Puan Yang Saya Kasihi Sekalian,

3. Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak yang dilancarkan pada Mac 2015 merupakan pemangkin kepada kemajuan ekonomi lebih pantas dan menyeluruh di negeri Sarawak. Bermula daripada manifesto dan perancangan, disusuli dengan beberapa siri perbincangan dan pemeteraian perjanjian, hari ini Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak telah dilaksanakan mengikut jadual dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun ini.
4. Apabila siap sepenuhnya kelak, selain memantapkan jaringan perhubungan darat di negeri Sarawak yang sudah pasti akan mempermudahkan mobiliti rakyat, Lebuhraya Pan Borneo juga akan merangsang dan melonjakkan aktiviti ekonomi yang lain seperti pemasaran hasil produk pertanian serta menggalakkan pembangunan produk pelancongan. Selain itu ia juga merangsang pembangunan dan pertumbuhan kawasan-kawasan ekonomi seperti perumahan dan komersial dengan adanya akses perhubungan darat yang cekap, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan kemahiran serta pengalaman kepada anak-anak tempatan khususnya.
5. Kerajaan Persekutuan juga telah memberi jaminan untuk meneruskan projek ini sehingga siap dan bebas tol. Semua lapisan rakyat akan menggunakan kemudahan jaringan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak ini tanpa perlu membayar tol.

PERKEMBANGAN TERKINI LEBUHRAYA PAN BORNEO SARAWAK

Hadirin Yang Saya Hormati Sekalian,

6. Untuk makluman, projek Lebuhraya Pan Borneo Fasa 1 yang telah bermula pada Oktober 2015, meliputi 11 pakej kerja dengan jajaran sepanjang 786 km dari Telok Melano ke Miri. Ada beberapa jajaran yang telah siap antaranya ialah:

- i. Pakej Telok Melano ke Sematan yang telah siap sepenuhnya pada 6 Januari 2019
- ii. Seksyen Julau bagi Pakej Kerja 07, Persimpangan Bintangor ke Persimpangan Julau telah siap pada 28 Oktober 2021
- iii. Seksyen Serian bagi Pakej Kerja 03, Bulatan Serian ke Balai Ringin telah siap pada 4 Disember 2021.

7. Manakala status kemajuan keseluruhan pembinaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak sehingga Disember 2021 bagi 10 pakej kerja iaitu dari Sematan ke Miri yang kini sedang giat dilaksanakan adalah sebanyak 77% dengan jangkaan siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2022.

PERSIMPANGAN NYABAU

Hadirin Yang Saya Hormati Sekalian,

8. Persimpangan Bertingkat Nyabau sepanjang 1.23 kilometer merupakan persimpangan bertingkat terpanjang di Sarawak. Persimpangan Nyabau adalah salah satu persimpangan bertingkat yang

merupakan satu daripada tiga jajaran seksyen di bawah Pakej Kerja 10 dari Bakun ke Niah.

9. Pembinaan persimpangan bertingkat ini akan membantu memudahkan aliran trafik antara Sibu, Bintulu dan ke Miri. Laluan yang dibuka adalah dari laluan utama menuju ke Miri (bermula dari lampu isyarat Bintulu ke Miri) dan laluan utama ke Sibu (dari lampu isyarat Bintulu ke Sibu).

10. Projek ini telah bermula pada 1 Mac 2017 dan telah siap sepenuhnya pada 26 Januari 2022. Kos keseluruhan bagi projek ini ialah sebanyak RM164 juta. Selain daripada mengurangkan kesesakan jalan di sekitar bandar Bintulu, ianya turut memudahkan pergerakan penduduk sekitar agar lebih selesa dan selamat.

PENUTUP

Hadirin Sekalian,

12. Memandangkan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak ini masih belum siap sepenuhnya dan masih dalam pembinaan, saya ingin memohon maaf di atas ketidakselesaan pengguna jalan raya sewaktu proses pembinaan berlangsung.

13. Kerajaan sedang berusaha melaksanakan pelan mitigasi dan tindakan susulan bagi menambah baik kaedah pelaksanaan Lebuhraya Pan Borneo ini agar dapat disiapkan pada tempoh yang telah ditetapkan. Selain itu, semua kontraktor terlibat dengan kerja pembinaan Lebuhraya

Pan Borneo Sarawak ini juga telah diwajibkan mempunyai pasukan pengurusan trafik yang cekap dan efisien.

14. Insya Allah Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kerja Raya sentiasa memberikan komitmen padu dalam menyediakan infrastruktur terbaik kepada rakyat demi meningkatkan kesejahteraan hidup Keluarga Malaysia.

15. Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima Kasih.